

Pelajar hisap vape membimbangkan

SILVIA HARLAN 04/08/2019 M15 08

Semakin menular dan dikhuatiri menyebabkan ketagihan

NORMAWATI ADNAN
IPOH

Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengencakan tindakan tegas terhadap pelajar yang terlibat dengan penggunaan rokok elektronik atau vape.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, penggunaan vape dalam kalangan pelajar semakin menular dan dikhuatiri menyebabkan ketagihan sehingga menjadi perokok.

“Kerajaan memandang serius isu ini dan akan mengambil tindakan terhadap pelajar yang membawa peralatan vape ke sekolah.

dakan tegas termasuk sita boleh dikenakan,” katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada 200 warga emas dan golongan miskin di Taman Song Choon di sini semalam.

Menurutnya, guru dan ibu bapa perlu memberi perhatian serius sekiranya terdapat pelajar yang menggunakan pen atau jam tangan dalam bentuk mencurigakan.

“Sekarang sudah canggih, ada peranti vape yang bentuknya seperti pen, jam tangan dan sebagainya. Kadangkala mereka kata beli dan bawa jam tangan ke sekolah tetapi sebenarnya ia adalah peranti vape,” katanya.

Boon Chye berkata, bagi langkah kawalan jangka panjang, kementerian telah mengarahkan tindakan besar-besaran bersama agensi kerajaan lain iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Menurutnya, tindakan itu termasuk mengeluarkan semua peranti vape



Boon Chye menyampaikan sumbangan kepada 200 warga emas dan golongan miskin di Taman Song Choon di Ipoh semalam.

yang menarik perhatian pelajar daripada pasaran tempatan dan mengenaikan tindakan terhadap premis yang menjual vape kepada kumpulan berkenaan.

“Jika ada pelajar yang nak beli, mereka katakan *out of stock* tetapi bukan kerana permintaan tinggi, sebaliknya kerana telah diarah menghentikan edaran.

“Begitu juga dengan akta baharu berkaitan

tembakau, vape, rokok elektronik dan shisha yang sedang kita gubal sekarang. Diharap ia dapat memberi satu rangka kawalan yang lebih baik dari segi larangan jualan dan pasaran kepada remaja di bawah usia 18 tahun,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai penjualan gula-gula ghost smoke yang mengeluarkan asap seperti rokok, Ahli Parlimen Gopeng itu berkata,

produk tersebut telah dikeluarkan daripada pasaran buat sementara waktu di kebanyakan negeri, antaranya Sabah, Perak, Melaka dan Johor.

“Produk ini berada di pasaran sejak 2015 dengan import utama di Perak.

“Walaupun hasil kajian tidak menemui sebarang kandungan berbahaya, kita tidak menggalakkan makanan sedemikian kerana penggunaannya menyerupai merokok,” katanya.

Dalam isu berlainan, Boon Chye berkata, langkah kerajaan menguatkuasakan cukai ke atas minuman bergula menunjukkan kesan awal yang positif apabila sudah ada syarikat mula mengurangkan kandungan gula dalam beberapa produk dihasilkan.

Menurutnya, menerusi dialog yang diadakan bersama syarikat pengeluar, mereka menyatakan kesediaan untuk menyahtut saranan kerajaan bukan atas faktor kesihatan semata-mata tetapi dapat mengurangkan kos pengeluaran.

“Pada awal cadangan memang ada bantahan tetapi apabila diterangkan mereka faham dan telah mulakan pelan untuk kurangkan gula dalam produk mereka.

“Daripada menanggung kos tambahan akibat cukai yang dikenakan, lebih baik mereka mematuhi peraturan ditetapkan dan syarikat dapat jimat hingga berjuta-juta ringgit untuk tanggungan kos gula,” katanya.